

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN
RASMI PERSIDANGAN PERWAKILAN CEUPACS
DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KUALA
LUMPUR PADA 6HB JANUARI, 1972

Saudara Pengerusi, Saudara-saudara sekalian yang hadir,

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan tahniah kepada CUEPACS kerana mengadakan sidang perwakilan biennial ini sambil itu mengucapkan berbanyak-banyak terimakasih kerana sudi menjemput saya untuk merasmikannya. Bahkan, mengingat bahawa kita masih berada dalam minggu pertama tahun 1973 ini, saya suka juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada anggota-anggota CUEPACS khasnya di seluruh negara.

Saya sungguh tertarik hati dengan susunan sidang perwakilan tahun ini yang dibuat secara Seminar dan saya difahamkan Ketua Setiausaha Negara akan turut mengemukakan kertaskerja pada Seminar ini. Pada fikiran saya, inilah satu cara yang patut dipuji kerana bukan saja memberi kesempatan kepada para perwakilan bertukar-tukar pendapat bahkan juga untuk mengkaji sesuatu masalah dengan mendalam serta mencari penyelesaiannya. Dengan begini CUEPACS dapat memberi latihan yang berguna kepada ahli-ahlinya dan saya suka melihat contoh ini diturut oleh badan-badan lain supaya membantu rancangan-rancangan latihan yang dijalankan oleh Kerajaan.

Pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan pujian dan penghargaan kepada CUEPACS, yang menggabungkan kesatuan sekerja dalam perkhidmatan awam, kerana berjaya melaksanakan kewajibannya dengan penuh tanggungjawab bukan saja kepada ahli-ahli gabungan tetapi juga kepada Kerajaan dan Negara. Tidak syak lagi, suasana harmoni dan ketenangan yang berkekalan sejak beberapa tahun ini membuktikan sikap rasional dan kematangan di kalangan pimpinan CUEPACS dan ahli-ahli gabungannya. Bagi pihak Kerajaan, saya suka merakamkan ucapan terimakasih yang ikhlas kepada semua pihak yang berkenaan dan sambil berharap suasana ini akan terus kekal hendaknya.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana kita maklum, suasana tenang serta hubungan baik antara majikan dan pekerja amatlah mustahak dipelihara untuk membolehkan Kerajaan mengekalkan pentadbiran yang cekap dan licin, terutama semasa negara sedang giat melaksanakan Rancangan Lima Tahun Kedua yang telahpun memasuki tahun ketiga pelaksanaannya. Saya ingin melihat rasa kesedaran yang sedalam-dalamnya di kalangan kakitangan Kerajaan memikul tanggungjawab mereka dengan penuh dedikasi supaya rakyat negara kita ini dapat menikmati kehidupan yang sempurna. Kejayaan kita mencapai matlamat-matlamat pembangunan bererti kemakmuran dan kebahagiaan hidup untuk semua.

I would like to remind you that as members of organised groups of citizens, you have an important role in ensuring the successful implementation of the Plan; and as civil servants, it is also your duty to implement the various projects which are embodied in the Plan. On the other hand, as citizens of our beloved country, you will undoubtedly benefit from its successful implementation and I would like to ask you to give your complete devotion and dedication to this all important endeavour. Everyone of us here has a stake in the economic and social projects and the political stability of our country. It must therefore be our resolve and determination, not only in this New Year but also in the years to come to play our part towards accomplishing the objectives we have set out to achieve.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga menyentuh sedikit perkara-perkara yang menjadi pokok perhatian CUEPACS berhubung dengan syarat-syarat dan peraturan-peraturan perkhidmatan kakitangan Kerajaan amnya. Berhubung dengan perkara ini, saya sedar bahawa sebarang penyemakan semula syarat-syarat dan peraturan-peraturan Perkhidmatan Awam tidak akan memberi kepuasan pada semua pekerja. Any general revision in the terms and conditions of service of employees in the Public Services cannot at the same time satisfy each and everyone. There will always be small groups who will find it hard to accept the new recommendations but this is inevitable.

Kerajaan sentiasa sedar betapa mustahaknya mempunyai perkhidmatan awam yang puashati atau contended supaya menjamin jentera pentadbiran yang cekap dan dinamis. Dengan tujuan inilah kita membentuk mula-mulanya Suffian Commission¹ dulu yang mana syor-syornya telahpun dilaksanakan. Suruhanjaya Suffian ini yang ahli-ahlinya terdiri dari pakar-pakar antarabangsa, pertama kali dalam sejarah perkhidmatan awam negara kita memberikan nisbah lengkap mengenai cabang-cabang perkhidmatan Kerajaan serta menggariskan beberapa dasar yang menentukan syarat-syarat perkhidmatan dan tangga gaji pekerja-pekerja Kerajaan. Pelaksanaan Suffian telahpun disusul dengan pelaksanaan Penyata Aziz² untuk perkhidmatan guru dan syor Sheikh Abdullah³ untuk anggota-anggota Angkatan Tentera.

Satu lagi Suruhanjaya Diraja iaitu Harun Commission⁴ sudahpun selesai mengkaji kedudukan gaji Badan-badan Berkanun dan Kerajaan Tempatan. Saya harap Penyata Suruhanjaya ini akan siap segera untuk dilaksanakan.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya katakan tadi, penyata yang meliputi scope begitu luas sudah tentu tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Bagaimanapun, pada pandangan Kerajaan sehingga pelaksanaan ini berjalan untuk beberapa lama, tidaklah wajar dibuat sebarang perubahan selagi Kerajaan belum dapat menimbang ataupun mengukur sebarang kelemahan yang timbul darinya supaya masaalah itu dapat dikaji serta dihuraikan dari segala segi.

Saya rasa perlu mengingatkan bahawa pindaan di sana sini atau piece-meal revision tidaklah bijak buat masa ini kerana hanya akan menimbulkan keadaan kucar-kacir seperti di masa sebelum penyemakan dulu.

¹ Suruhanjaya Gaji untuk Perkhidmatan Awam di bawah pengerusian Y.A.B. Hakim Tun Suffian Hashim, 1970.

² Suruhanjaya Gaji untuk Perkhidmatan Guru di bawah pengerusian Y.B. Tan Sri Abd. Aziz Zain, 1971.

³ Suruhanjaya Gaji untuk Angkatan Tentera di bawah pengerusian Y.B. Tan Sri Sheikh Abdullah Sheikh A. Bakar, 1972.

⁴ Suruhanjaya Gaji untuk Kerajaan Tempatan dan Badan-badan Berkanun di bawah pengerusian Y.B. Hakim Tan Sri Harun Hashim, 1972, 1973.

Until such time when the revision has been implemented in every section of the public service and a reasonable time given for it to be in force, there should not be any major change in the present scheme of things. Only in this way will Government be in a position to gauge any shortcomings arising from the overall implementation and be able to deal with the problems in their true perspective. Any piece-meal revision of salary scales will only revert us to the chaotic situation that existed prior to the current revision.

I, therefore, ask you all as leaders of CUEPACS and the affiliated unions to appreciate and recognise this fact and to restrain any single unions from acting as pressure groups to attain revision of their salary scales irrespective of the consequences.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka menyatakan di sini bahawa Kerajaan sedangpun mengkaji some manifest anomalies yang timbul setelah pelaksanaan Penyata Suffian dan diharap satu penyelesaian akan dicapai tidak lama lagi.


Begitu juga peraturan sedang dibuat untuk menubuhkan semula Majlis Bersama atau Joint Council yang akan bertanggungjawab mengenai penyemakan tangga gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di masa hadapan. Dalam hubungan ini saya dengan gembira mengumumkan bahawa setelah menimbangkan pandangan dan pendapat Staff Side, Kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan, Kerajaan telah mempersetujui pembukaan tiga buah Majlis Bersama Kebangsaan atau National Joint Councils, satu bagi tiap-tiap Perkhidmatan Awam termasuk Perkhidmatan Pelajaran (Education Service), Perkhidmatan Polis (Police Service) dan Badan-badan Berkanun atau Statutory Bodies serta Local Authorities. Majlis ini akan mempunyai terms of reference masing-masing. Begitu juga akan dibentuk Joint Councils diperingkat Jabatan dan Kementerian untuk menyelenggarakan hal-hal yang berhubung dengan keadaan perkhidmatan diperingkat Jabatan dan Kementerian.

Saya berharap jentera perundingan yang baru itu akan dapat dibentuk dalam masa yang singkat ini. Tetapi hendaklah juga diingat bahawa perlulah mengambil masa sebelum kedua-dua pihak boleh duduk bersama untuk berunding sungguhpun Kerajaan akan berbuat sedaya upaya membentuknya dengan seberapa segera.

Saudara-saudara sekalian,

Dari apa yang saya huraikan tadi, tentulah dapat difaham bahawa Kerajaan sentiasa sedar akan kewajipan serta tanggungjawabnya sendiri dan sentiasa berikhtiar memelihara serta mengekalkan perkhidmatan awam yang contented sesuai dengan konsep masyarakat adil. Selagi kita bersedia serta sanggup bekerjasama dan berganding bahu kearah satu haluan, saya yakin kita akan berjaya mencipta masyarakat makmur bahagia dan aman sentosa. Saya ingin mengulangi seruan dan harapan supaya kita memperkukuh azam dan dedikasi dalam usaha membangun negara serta menjamin hari depan yang gemilang bagi semua.

Dengan kata-kata itu, saya dengan penuh sukacita merasmikan Sidang Perwakilan CUEPACS ini sambil berharap semuga per-sidangan ini mendapat penuh kejayaan.



Tun Abdul Razak bin Hussein melawat Perpustakaan Maktab Turus Angkatan Tentera Malaysia di Kuala Lumpur, pada 8hb Januari, 1972.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)